


SEBAGAI Menteri Luar, Syed Hamid Albar mendapat liputan media yang lebih meluas.




SIDANG Kemuncak OIC di Putrajaya antara yang menjadi kejayaan Syed Hamid Albar.

"Dunia saya tidak glamor"

UM- 11/2/2007

Oleh HASSAN MOHD NOOR

Menteri- Menteri Luar Malaysia



SELAMA lapan tahun sebagai Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar sudah menjelajah hampir ke seluruh dunia. Boleh dikatakan semua benua sudah dijejakinya - Eropah, Afrika, Amerika Latin dan Amerika Utara. Pastinya ada yang menganggap beliau amat bertuah kerana berpeluang menjejakan kaki di negara-negara yang bagi kebanyakan orang hanya diketahui melalui bacaan, sekadar menyaksikan di media elektronik atau menatap gambar sahaja.

"Saya fikir banyak orang berpandangan jawatan ini begitu glamor, seronok berjalan ke sana sini tetapi ia tidaklah seindah yang disangka," kata Syed Hamid kepada *Mingguan Malaysia* sempena genap lapan tahun beliau sebagai Menteri Luar.

Selepas Tunku Abdul Rahman, beliau adalah penyandang jawatan itu paling lama. Bagi Ahli Parlimen Kota Tinggi itu, pelbagai 'wajah' bilik hotel, dewan persidangan atau bilik mesyuarat yang cantik adalah sesuatu yang tidak asing lagi tetapi untuk melihat tempat-tempat menarik, kadangkala beliau sekadar sempat membaca buku, majalah atau risalah di bilik hotel. Ada ketikanya, sebaik sahaja tiba di sesebuah negara beliau akan menghadiri mesyuarat dan kemudian pulang ke tanah air. Ini bermakna beliau hanya dapat berpijak di negara tertentu untuk beberapa jam sahaja.

Dan kerana kekerapan berada di luar negara yang waktu siang dan malamnya tidak sama dengan Malaysia, beliau mengakui kebanyakan masa tidurnya adalah di dalam pesawat berbanding di atas katil.

Itulah dunia Syed Hamid sebagai Menteri Luar. Beliau perlu 'berjaga' 24 jam kerana jawatan itu memerlukan beliau sentiasa mengetahui apa yang berlaku di dunia. "Sebenarnya banyak memori - ada yang manis dan ada yang masam. Ia tidak seindah sebagaimana dilihat pada luaran. Ia lebih banyak tekanan," katanya.

Mengimbu kembali pelantikannya, beliau sebenarnya tidak pernah menjangkakan akan berada di situ selepas empat tahun di Kementerian Pertahanan.

"Saya dimaklumkan mengenai pertukaran Kementerian oleh Daim (Tun Daim Zainuddin) semasa beliau bersama Dr. Mahathir (Tun Dr. Mahathir Mohamad) memasuki dewan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, tetapi tidak diberitahu Kementerian mana.

"Selepas itu barulah Dr. Mahathir umumkan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) sebagai Timbalan Perdana Menteri dan saya, Menteri Luar. Saya tidak tahu macam mana nak bagi reaksi kerana banyak orang menterjemahkan Kementerian Luar sebagai tempat yang tidak baik bagi politik Malaysia, tempat buangan," katanya.

Ada juga yang bersimpati dengannya dan berkata, 'teruklah you'.

"Tetapi saya tidak memandang negatif lantikan itu. Hasrat saya mahu menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin. Itu yang menyejukkan pemikiran. Saya memandang jawatan ini satu amanah dan tanggungjawab penting memandangkan pergolakan geopolitik rantau dan dunia," katanya.

Ketika itu peranan Malaysia dilihat lebih ketara dalam isu Asia Barat, Asia Timur, OIC,

NAM dan Dr. Mahathir selepas pilihan raya umum memberikan lebih banyak tumpuan kepada perkara-perkara yang melibatkan soal-soal dasar luar.

Akhirnya apabila memegang jawatan itu, beliau melihat soal-soal dasar luar menjadi bahan menarik minat untuk politik akar umbi sama ada di bahagian atau negeri serta menjadi perkara yang dibincangkan sehinggalah dari segi liputan media elektronik dan cetak dalam negara kita.

"Apabila saya mengambil bahagian dalam forum-forum di peringkat media elektronik atau universiti, soalan-soalan berkaitan dasar luar begitu dekat dengan perhatian rakyat di semua peringkat.

"Dan kepada saya, saya lebih dikenali sebagai menteri setelah menjadi Menteri Luar dan mendapat liputan media di peringkat rantau, antarabangsa dan domestik. Jadi persepsi awal oleh kawan-kawan dalam politik jauh daripada kebenaran," katanya.

"Ditanya maminnya dalam dunia diplomatik ini, beliau berkata, pernah terlintas di fikirannya untuk menjadi duta apabila banyak menghabiskan masa belajar dan bekerja di luar negara serta latihan di bank luar negara.

Dan kerana kekerapan berada di luar negara yang waktu siang dan malamnya tidak sama dengan Malaysia, kebanyakan masa tidurnya adalah di dalam pesawat berbanding di atas katil.

"Saya memang suka bercampur dengan orang dan saya tertarik melihat duta yang pakaian mereka ada *style*, gaya hidup serta dapat berinteraksi dengan orang dari latar belakang berbeza, berlainan agama, budaya dan kaum yang melintasi sempadan.

"Semasa *student*, seorang VIP keluarga diraja pernah bertanya, saya nak jadi apa. Saya jawab nak jadi duta. Lepas tu dia ketawa," katanya.

Tetapi cita-cita masa kecilnya adalah untuk menjadi hakim. Walaupun pada peringkat awal mengambil jurusan ekonomi dan politik tetapi akhirnya berpatah balik kepada undang-undang.

"Waktu itu, saya melihat bidang yang betul-betul mencabar ialah peguam, dan ia mengajar tentang disiplin, keupayaan untuk berhabas dan berdebat.

"Tetapi akhirnya bukannya menjadi duta tetapi menteri," kata Syed Hamid.

Beliau menyifatkan Kementerian Luar yang berkait dengan politik antarabangsa mempunyai budaya yang tersendiri, memerlukan kefahaman terhadap isu-isu terkini, perlu menghayati isu, mengemas kini isu dan memberi rumusan kepada situasi yang mungkin boleh membawa kita keluar dari jalan buntu. Ini dapat menajamkan fikiran.

"Itu yang saya rasa beruntung apabila masuk Kementerian Luar. Walaupun ini lantikan politik tetapi ia juga teknokrat, kena profesional. Selepas lapan tahun dan ini tahun kesembilan, saya banyak belajar dalam jawatan ini," ujarnya.

Beliau yang pernah menjalankan tugas-tugas Menteri Luar apabila Abdullah berada di luar negara berkata, jawatan Menteri Luar memerlukan seseorang banyak membaca.

Pelbagai nota perlu dibaca serta mengambil bahagian dalam mesyuarat.

Bercakap soal cabaran sebagai Menteri Luar, baginya apa yang paling mencabar ialah apabila berhadapan konflik di peringkat rantau atau antarabangsa lebih-lebih lagi isu yang jelas memperlihatkan sikap berat sebelah Barat. Ini termasuklah isu-isu seperti perang Afghanistan, Iraq, nuklear Iran, Palestin, sikap rejim zionis.

"Kita mesti menyuarakan pandangan untuk melahirkan dunia yang lebih adil dan saksama tetapi pada masa yang sama perlu menjaga hubungan dua hala yang mungkin akrab dan mesra. Ini yang cuba kita seimbangkan," katanya.

Satu lagi pengalaman menarik ialah apabila berkunjung ke Ramallah untuk berjumpa Presiden Yasser Arafat.

"Amat menakutkan kerana kita perlu mendapat persetujuan Israel untuk memasuki Ramallah kerana mereka menguasai ruang udara. Dari Jordan saya serta rakan-rakan dari Indonesia, Afrika Selatan ambil helikopter. Apabila memasuki ruang yang dikuasai Israel, dua pesawat Israel mengiringi helikopter kami.

"Di Ramallah, tidak ada bangunan yang

tidak musnah, kita jumpa Arafat di dalam kubu bawah tanah. Beliau begitu seronok bertemu kita selepas tidak dapat menghadiri mesyuarat NAM

"Israel memberi masa antara satu hingga dua jam dan sempatlah melawat sebuah hospital. Kami lihat kanak-kanak yang terkena tembakan. Semuanya ini meninggalkan kesan yang amat mendalam," katanya.

Begitu juga dengan lawatan ke Lebanon baru-baru ini untuk melihat kawasan yang dibom Israel. Banyak kemusnahan dilihat sepanjang perjalanan dari Syria ke Beirut.

"Tanpa disedari di situ saya berjalan di kawasan yang masih banyak bom berangkai yang belum meletup."

"Kami amat terdedah kepada serangan Israel, tetapi mujurlah ketika itu gencatan senjata dan kami selamat menemui Perdana Menteri Lebanon dan pemimpin Hizbullah," katanya.

Ditanya, apa cabaran yang mencabar dalam tempoh terdekat ini, beliau berkata: "Paling susah ialah hubungan Malaysia dengan Singapura yang kadang-kadang melahirkan sentimen emosi kemarahan."

Dan yang menyeronokkan ialah kemesraan hubungan antara Menteri-Menteri Luar. Bagaimanapun ramai rakannya yang sudah bertukar Kementerian atau tidak lagi memegang jawatan menteri.

"Ada negara yang sudah menyaksikan dua hingga enam orang Menteri Luar bertukar seperti Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Thailand, Vietnam, Laos dan Singapura," ujarnya.

Bertugas di luar ketika masalah dalam negara juga mencabar kesabarannya.

Selain banjir yang memaksa beliau pulang segera dari luar negara, pilihan raya umum

1999 juga meresahkan dirinya.

Ketika itu beliau diminta oleh Dr. Mahathir ke Afrika Selatan tanpa mengetahui akan ada pilihan raya umum

Dan ketika ahli-ahli politik termasuk menteri-menteri lain bersiap sedia untuk menjadi calon, beliau ke Afrika Selatan mewakili Dr. Mahathir menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) (12 hingga 15 November) dan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN di Manila yang diadakan pada 27 hingga 29 November. Sebelum itu beliau sibuk dengan lawatan Perdana Menteri China, Zhu Rongji dari 22 November hingga 24 November.

"Saya cemas juga sebab mempunyai tempoh yang singkat di kawasan pilihan raya saya di Kota Tinggi," katanya.

Ada juga pengalaman lucu. Ini berlaku apabila beliau tiba di London dalam perjalanan ke Rusia pada 10 September 2001 bersama beberapa Menteri Kabinet lain.

"Pesuruhjaya kita di London beritahu saya, Twin Tower kena serang. Saya terkejut, memang panik, saya bertanya apa yang dah terjadi di Kuala Lumpur? Rupa-rupanya saya tersalah dengar, yang diserang ialah Twin Tower di New York," katanya.

Mengatur waktu juga amat penting tetapi hubungan dengan negara-negara luar menyebabkan beliau terpaksa membenarkan telefonnya menerima panggilan 24 jam. Dan panggilan telefon ketika orang lain nyenyak tidur sudah menjadi perkara biasa.

Baru-baru ini Perdana Menteri secara tiba-tiba meminta beliau ke Paris untuk menghadiri mesyuarat mengenai Lebanon.

"Mulanya Kabinet membuat keputusan tidak perlu pergi tetapi pada pagi berkenaan Pak Lah telefon supaya saya ke Paris kerana Lebanon minta Malaysia hadir. Saya beritahu Perdana Menteri, duta akan pergi kerana kawasan saya banjir

"Perdana Menteri memberitahu, Lebanon turut bersimpati tetapi masih mahu Malaysia hadir. Saya gelabah cari kapal terbang. Saya bertolak tengah malam Rabu dan tiba Khamis kemudian hadir mesyuarat. Pukul 4 petang saya jumpa orang surat khabar dan pemimpin korporat yang berminat dengan Malaysia. Malam itu juga saya balik dan tiba pukul 6 petang, terus ke kawasan banjir.

"Itulah kehidupan Menteri Luar, ia satu kerja lasak," katanya.

Bagaimanapun sebagai manusia, beliau juga terasa 'kehilangan' beberapa hobinya seperti memandu di kawasan pilihan rayanya, singgah makan di warung dan sebagainya.

Walaupun lebih suka memilih kehidupan tidak formal, tetapi di Kementerian Luar beliau terpaksa menerima protokol kerana ia dapat menentukan segala-galanya berjalan lancar, serta tidak kalam-kabut.

Beliau juga bangga kerana dapat membawa mesyuarat penting ke Malaysia dan negara kita sebagai pengerusi iaitu Pertubuhan Persidangan Islam, Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan ASEAN. Mulanya, Dr. Mahathir menganggap ia sebagai satu kerja gila.

"Walaupun bukan giliran kita tetapi saya dapat meyakinkan rakan-rakan lain. Ini satu perkara yang memuaskan walaupun letih dan penat tetapi kita dapat mendedahkan kakitangan dengan pengalaman baru. Ini amat penting," katanya.